

15 JAN 2000

Syed Hamid-Umno

PERTANDINGAN TENTUKAN KEKUATAN UMNO, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Pertandingan untuk jawatan dalam Umno pada pemilihan parti Mei ini tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang boleh menjurus kepada perpecahan dalam parti, kata anggota Majlis Tertinggi (MT) Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Dalam amalan demokrasi, pertandingan ialah sesuatu perkara yang subur dan sihat untuk menentukan kelangsungan dan kekuatan sesebuah parti, katanya.

"Melaluinya, kita dapat mencungkil bakat-bakat terbaik dalam pimpinan kita, tak kiralah siapapun yang difikirkan baik dan kredibel untuk masa depan parti," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka hari raya Wisma Putra, di sini.

Menteri Luar itu berkata apa yang penting ialah anggota Umno dan bahagian-bahagian parti mempunyai hak mencalonkan sesiapa saja yang difikirkan layak untuk merebut jawatan dalam parti.

"Jangan kita menggelabah atau melatah bila nama-nama sesiapa juga naik atau dicadangkan," katanya.

Syed Hamid ialah antara beberapa tokoh Umno yang menawarkan diri untuk bertanding merebut jawatan naib presiden.

Pemilihan bagi kerusi Majlis Tertinggi (MT), badan pembuat keputusan, ditetapkan pada 11 Mei -- hari pertama perhimpunan agung Umno yang akan berlangsung selama tiga hari.

Dengan jawatan presiden dan timbalan presiden dijangka tidak ditandingi, tumpuan pemilihan parti beralih kepada perebutan bagi tiga kerusi naib presiden.

Syed Hamid berkata Umno sudah cukup matang untuk menerima pertandingan.

"Jika seseorang pandai ukur diri dia dan memikirkan kepentingan di peringkat nasional, dia bertandinglah kerana itu baik untuk Umno."

"Kalau orang nampak Umno itu, tertutup, nanti orang naik bosan dengan Umno," katanya.

Ditanya tentang ketiadaan "kem-kem" yang ketara pada pemilihan kali ini, beliau berkata: "Saya fikir kem-kem inilah yang melingkupkan Umno dulu, yang melemahkan Umno."

Syed Hamid berkata, tidak harus ada puak-puak kerana pertandingan merebut kerusi dalam parti melibatkan persaingan antara sesama sahabat dalam satu perjuangan.

"Nak buat apa kita rasa orang ini bukan orang kita, tak nak bercakap dengan orang ini atau kita berpuak-puak, berkabilah. Ini merugikan Umno. Dan saya harap pengalaman 1993 dan 1996 tidak berulang lagi," katanya.

Beliau turut mengulas syor MT supaya bahagian-bahagian mencalonkan semula Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden dalam Umno, tulang belakang parti pemerintah Barisan Nasional.

"Ia bukanlah satu arahan kerana proses pemilihan kedua-dua jawatan tertinggi parti itu juga masih perlu dibuat mengikut amalan demokrasi iaitu perlu ada pencalonan daripada bahagian," katanya.

"Kalau tak ada calon lain, mereka menang. Itu mengikut amalan demokrasi. Kita tak boleh kata kalau ada pencalonan (lain) itu tidak sah, kita cuma syorkan supaya bahagian-bahagian mencalonkan dua orang ini masing-masing untuk jawatan presiden dan timbalan presiden," katanya.

Menurutnya terpulang kepada bahagian untuk menyambut seruan MT itu.

-- BERNAMA
MAM PR